



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

MINIT MESYUARAT

JAWATANKUASA KESELAMATAN JABATAN BILANGAN 2/2023

YANG DIADAKAN PADA HARI KHAMIS

10 OGOS 2023 – JAM 11.03 PAGI

BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT FIRUS, ARAS 2,

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

YANG HADIR

- | | |
|---|-------------------------------------|
| 1. Puan Hajah Khasanah binti Sufa'at @ Supaat | - Setiausaha, MBIP (Pengerusi) |
| 2. Encik Norazli bin Aziz | - Akauntan, MBIP |
| 3. Puan Nurulain binti Rahmat | - Peg. Kesihatan Persekitaran, MBIP |
| 4. Encik Azrullail bin Masijan | - Pegawai Tadbir, MBIP |
| 5. Y.M Raja Abu Bakar bin Raja Yahya | - Pegawai Penguatkuasa, MBIP |
| 6. Y.M Ungku Ahmad bin Hj. Ungku Mohd Zakaria | - Pegawai Tadbir, MBIP |
| 7. Puan Fadzilah binti A. Rahim | - Juruaudit, MBIP |
| 8. Puan Nurul Huda binti Sanusi | - Pegawai Undang-undang, MBIP |
| 9. Encik Ruziman bin Rahmat | - Pegawai Tadbir, MBIP |
| 10. Puan Eniza binti Zainal Abidin | - Pegawai Tadbir, MBIP |

YANG TURUT HADIR

- | | | | |
|----|---------------------------------------|---|---|
| 1. | Ts. Siti Rafidah binti Arifin | - | Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP |
| 2. | Encik Muhammad Zul Asyraf bin Ismail | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 3. | Sr. Noor Faiz bin Kasmani | - | Pegawai Penilaian, MBIP |
| 4. | Gs. TPr. Chew Lee Ting | - | Pegawai Perancang Bandar Dan Desa, MBIP |
| 5. | Encik Mohd Yuzairi bin Md Yasir | - | Jurutera, MBIP |
| 6. | Encik Nor Azizul bin Leman | - | Arkitek, MBIP |
| 7. | Encik Mohamad Nashrudin bin Mohd Aris | - | Arkitek Landskap, MBIP |
| 8. | Puan Maziah binti Zainal | - | Penolong Pegawai Senibina, MBIP |

URUSETIA

- | | | | |
|----|--|---|-----------------------|
| 1. | Puan Fitri Syahirunnisaa' binti Mansor | - | Pembantu Tadbir, MBIP |
|----|--|---|-----------------------|

YANG TIDAK HADIR

- | | | | |
|----|---|---|--|
| 1. | Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad | - | Datuk Bandar. MBIP |
| 2. | Encik Shahrulizam bin Abdul Rashid | - | Timbalan Setiausaha, MBIP |
| 3. | Puan Hajah Fazliaton binti Mohd Noor | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 4. | TPr. Ruzanna binti Mohamed | - | Pegawai Perancang
Pembangunan, MBIP |
| 5. | Encik Azizul Jabar bin Ismail @ Abd Malek | - | Arkitek Landskap, MBIP |

1.0 PERUTUSAN TUAN Pengerusi

- 1.1** Mesyuarat dimulakan dengan ucapan salam dan selamat sejahtera serta terima kasih kepada sekalian yang hadir pada mesyuarat kali ini.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT Bilangan 3/2022

- 2.1** Minit Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan Bilangan 1/2023 bertarikh 25 Mei 2023 diterima dan disahkan oleh semua Ahli Mesyuarat.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT BERDASARKAN MINIT MESYUARAT Bilangan 1/2023

- 3.1 PERKARA 3.2 LAPORAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK: JKKJ 3/2022**

Jabatan Kesihatan Awam memaklumkan telah mengeluarkan memo bertarikh 2 Januari 2023 mohon penyediaan HIRARC oleh setiap jabatan dan telah menetapkan tempoh untuk penyerahan HIRARC tersebut pada 26 Januari 2023. Walau bagaimanapun untuk Jabatan Kejuruteraan masih belum diterima.

Maklum balas Jabatan Kejuruteraan:

Maklum balas berhubung perkara ini telah dikemukakan kepada Jabatan Kesihatan Awam melalui perbincangan antara jabatan pada 20 Julai 2023.

(Tindakan: Makluman)

3.2 PERKARA 5.1 LAPORAN KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN PEJABAT (FIZIKAL) MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 1/2023 (2)

Sr. Nawal binti Mohd. Khudzairi, Pegawai Penilaian, MBIP membentangkan tentang Cadangan Pindaan Kepada Jawatankuasa Tindakan Keselamatan Kebakaran Bangunan Pejabat MBIP, Medini. Setelah mendapat cadangan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam Kursus Keselamatan Kebakaran Pasukan ERT yang telah diadakan 6 Februari 2023 yang lalu, pindaan dilakukan kerana terdapat terlalu ramai wakil Pegawai Insiden Blok/ Tingkat & Di Tempat Berkumpul daripada setiap jabatan. Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mencadangkan untuk melantik Pegawai Insiden Blok/ Tingkat & Di Tempat Berkumpul mengikut aras sahaja. Beliau turut memaklumkan bahawa latihan kebakaran "*mock drill*" akan diadakan pada bulan Jun 2023.

Puan Zarina binti Haji Ali, Timbalan Setiausaha, MBIP meminta agar taklimat mengenai laluan kebakaran diberikan pada setiap jabatan sebelum latihan kebakaran "*mock drill*" diadakan.

Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran, MBIP telah mencadangkan agar taklimat mengenai laluan kebakaran diadakan pada perhimpunan pagi supaya dapat disampaikan pada semua kakitangan.

Dato' Pengerusi meminta agar taklimat Pra latihan Kebakaran diadakan pada setiap jabatan. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) dipertanggungjawabkan dalam menyediakan taklimat tersebut. Senarai nama lantikan Pegawai Insiden Blok/ Tingkat & Di Tempat Berkumpul dapat ditambahbaik dengan memasukkan nama kakitangan dari setiap jabatan. Beliau meminta agar taklimat diadakan di setiap jabatan bersama- sama Pegawai Insiden Blok/ Tingkat & Di Tempat Berkumpul berkaitan laluan kebakaran seta tindakan yang perlu dibuat apabila kebakaran berlaku.

Maklum balas Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta:

Nama kakitangan disetiap jabatan telah dimasukkan dalam lantikan Pegawai Insiden Blok/ Tingkat & Di Tempat Berkumpul dan surat lantikan telah dikeluarkan pada 10 Julai 2023.

Taklimat kepada Jawatankuasa Tindakan Keselamatan Kebakaran dijangka pada bulan September 2023 sebelum latihan kebakaran (*Fire Drill*) dilaksanakan.

(Tindakan: Makluman)

**3.3 PERKARA 7.0 LAPORAN KESELAMATAN ICT MAJLIS
BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK: JKICT KK 03-
01/2023**

Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP membentangkan Jawatankuasa Keselamatan ICT berkaitan keselamatan Penggunaan *public wifi* sebagaimana **KK: JKICT KK 03-01/2023**.

Dato' Pengerusi meminta untuk diberi pendedahan kepada kakitangan mengenai kesedaran penggunaan *public wifi*.

**Maklum balas Bahagian Teknologi Maklumat Jabatan Khidmat
Pengurusan:**

Unit Korporat dan Perhubungan Awam (UKPA) telah menerima makluman melalui memo bertarikh 26 Jun 2023 bagi mewujudkan infografik bagi tujuan hebahan kepada kakitangan dan orang awam.

(Tindakan: Makluman)

4.0 LAPORAN KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN DOKUMEN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 2/2023 (1)

4.1 Encik Muhammad Zul Asyraf bin Ismail, Pegawai Tadbir, MBIP membentangkan Laporan Keselamatan Dan Perlindungan Dokumen di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri daripada bulan Mei 2023 hingga Julai 2023. Status Penerimaan Dokumen Terperingkat bagi tempoh bulan Mei 2023 sehingga Julai 2023 adalah 25 unit dokumen sulit diterima. Manakala terdapat satu (1) Pengeluaran Dokumen Terperingkat bagi tempoh bulan Mei 2023 hingga Julai 2023. Tiada permohonan baharu bagi pelupusan rekod dan dokumen diterima, manakala bilangan perpindahan rekod dan dokumen sebanyak 52 fail masih menunggu kelulusan Arkib Negeri Johor sebagaimana lampiran untuk makluman jawatankuasa.

(Tindakan: Makluman)

4.2 KEPUTUSAN

Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Perlindungan Dokumen bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

**5.0 LAPORAN KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN PEJABAT (FIZIKAL)
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 2/2023
(2)**

- 5.1 Sr. Noor Faiz bin Kasmani, Pegawai Penilaian, MBIP** membentangkan tentang Tatacara Penggunaan Alat Pemadam Api Dan Pelan Laluan Kecemasan & Tempat Berkumpul Di Bangunan Pejabat MBIP, Medini. Tatacara Penggunaan Alat Pemadam Api Dan Pelan Laluan Kecemasan & Tempat Berkumpul Di Bangunan Pejabat MBIP, Medini sepertimana di dalam lampiran kertas kerja JKKJ 2/2023. Bagi latihan Pengungsian Bangunan (Fire Drill) bersama Jabatan bomba & Penyelamat dijangka akan diadakan pada bulan September 2023 sebagaimana lampiran untuk makluman jawatankuasa.

(Tindakan: Makluman)

5.2 KEPUTUSAN

Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Perlindungan Pejabat (Fizikal) bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

6.0 LAPORAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 2/2023 (3)

6.1 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran MBIP membentangkan tentang aktiviti yang telah dijalankan oleh jawatankuasa pada bulan Mac 2023 hingga Julai 2023. Sambutan hari keselamatan dan kesihatan pekerjaan peringkat MBIP Tahun 2023 telah berlangsung dan terdapat beberapa pertandingan yang diadakan antaranya Tempat kerja Terbaik Kategori Pejabat Dan Bengkel. Cadangan bagi pemenang pertandingan ini dan laporan pecahan pemarkahan tempat kerja terbaik mengikut kategori sepertimana di dalam lampiran kertas kerja JKKJ 2/2023 (2). Selain itu, terdapat pertandingan lain antaranya Pertandingan Video Tiktok Kategori Terbuka dan juga Poster Digital Kategori Terbuka, kedua-dua pertandingan ini boleh turut disertai oleh orang awam. Tarikh tutup bagi penyertaan adalah pada 10 September 2023 dan penyampaian hadiah bagi pemenang akan disampaikan pada Minggu OSH yang akan diadakan pada bulan November. Bagi Audit Kendiri Jabatan/ bahagian/ Unit telah diadakan pada bulan Jun 2023 oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Kesihatan Awam. Laporan Audit Kendiri Bil 3/2023 adalah sebagaimana di lampiran kertas kerja. Terdapat juga isu-isu pengauditan antaranya kekemasan dan kebersihan antaranya isu merokok di kawasan tangga bangunan pejabat, takungan air dan kekemasan di pejabat dan bengkel. Bagi keadaan bangunan pula terdapat beberapa tempat yang mempunyai dinding dan siling berlubang. Cermin retak, kabinet pecah, pintu rosak dan terdapat serangan anai-anai di Bengkel Jalan Pontian Lama yang memerlukan rawatan pencegahan anai-anai. Isu mengenai pencegahan kebakaran juga telah dibentangkan, terdapat sejumlah besar alat pemadam api yang berada di dalam bangunan bengkel tidak diperbaharui dan telah tamat tempoh pada tahun 2021. Pemeriksaan dan penyelenggaraan Pili BOMBA juga perlu dilakukan kerana kesemuanya telah kering dan mengalami kerosakan pada chamber.

6.1.1 Sr Noor Faiz bin Kasmani, Pegawai Penilaian MBIP telah memaklumkan bahawa kesemua alat pemadam api yang tamat tempoh telah diisi semua (*refill*) manakala lesen alat pemadam api telah diperbaharui dan kerosakan pada pili bomba akan dibaiki secepat mungkin.

6.2 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran MBIP memaklumkan mengenai hasil dari pengauditan bagi peralatan elektrik iaitu pendawaian dan kekemasan peralatan elektrik yang perlu diberi perhatian. Terdapat penyambungan terbuka, wayar melintang yang boleh mengakibatkan kemalangan dan keadaan wayar server yang tidak kemas. Hal-hal ini perlu diberi perhatian serius bagi mengelakkan daripada berlaku sebarang kemalangan. Bagi Peti Rawatan Kecemasan telah disediakan di setiap bangunan dan lokasi penyimpanan hendaklah diletakkan di kawasan yang mudah dilihat dan diketahui oleh semua pekerja. Alat Perlindungan Diri (PPE) adalah wajib disediakan mengikut jenis kerja dan risiko. Bagi bengkel Unit Gerak Cepat, Jabatan Kejuruteraan masih tidak mempunyai kelengkapan PPE semasa melakukan kerja-kerja yang berisiko. Penyimpanan bahan-bahan kimia hendaklah diambil berat hal ini bagi mengelak kemalangan yang tidak diingini daripada berlaku. Isu-isu dan lokasi yang perlu ditambahbaik dari segi kaedah penyimpanan bahan kimia adalah sebagaimana di dalam Kertas Kerja JKKJ 2/2023 (3) sebagaimana lampiran untuk makluman pihak jawatankuasa

6.2.1 Sr Noor Faiz bin Kasmani, Pegawai Penilaian MBIP memberi cadangan mengenai isu wayar yang tidak kemas dan teratur ini diberi perhatian oleh setiap kakitangan untuk mengambil inisiatif mengemas wayar di meja pejabat masing-masing supaya kelihatan lebih kemas. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Bahagian Teknologi Maklumat boleh memberi bantuan

menguruskan keadaan pendawaian dan kekemasan peralatan elektrik bagi mengelakan sebarang kerosakan dan kemalangan.

6.2.2 Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP memaklumkan pihak Bahagian Teknologi Maklumat sedia membantu dan memberi tunjuk ajar dan panduan pada kakitangan untuk pengemaskinian wayar dan peralatan ICT yang terdapat di stesen kerja dan jabatan. Namun, setiap pengguna perlulah hadir sama dan melaksanakan kemas di tempat atau ruang kerja masing-masing. Bahagian Teknologi Maklumat mengesyorkan agar Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta membuat pemasangan *casing cable* supaya semua wayar kemas di dalam casing tersebut.

6.3 Tuan Pengerusi telah mengambil maklum mengenai laporan tersebut dan meminta kerjasama kakitangan untuk bertanggungjawab memastikan keselamatan persekitan tempat kerja adalah selamat dan wayar yang tidak kemas perlu diambil tindakan segera.

(Tindakan: Makluman)

6.3 KEPUTUSAN

Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

7.0 LAPORAN KESELAMATAN ICT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 1/2023 (4)

7.1 Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP membentangkan tentang Laporan Pengujian Rangkaian Dalam Dan Internet (Network Security) Kegunaan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri **KK: JKICT 01-02/2023**

7.1.1 Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP memaklumkan Jawatankuasa Keselamatan ICT berkaitan pengujian penetration test ke atas IP dalaman dan IP luaran milik server-server dalam rangkaian MBIP serta mengkaji tahap keselamatan dan keupayaan akses masuk ke atas IP milik server-server di pusat data Majlis Bandaraya Iskandar Puteri yang telah dilaksanakan pada 01 Februari 2023 hingga 23 Mac 2023 oleh pihak yang bertaualiah iaitu Syarikat Exentric Network Sdn. Bhd. Laporan pelaksanaan dan hasil pengujian Pen Test rangkaian MBIP sebagaimana **KK: JKICT01-02/2023**.

7.1.2 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan ICT sebagaimana KK: JKICT01-01/2023 bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

(Tindakan: Makluman)

7.2 Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP membentangkan mengenai Buli Siber: Mangsa Buli Mengalami Gangguan Mental dan Emosi sebagaimana **KK: JKICT KK 02-01/2023**.

7.2.1 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan ICT sebagaimana **KK: JKICT02-01/2023** bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

(Tindakan: Makluman)

7.3 Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP membentangkan Laporan Info Grafik Sebagai Hebahan dan Makluman Asas Kepada Semua Agensi sebagaimana **KK: JKICT KK 03-01/2023**.

7.3.1 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan ICT sebagaimana **KK: JKICT03-01/2023** bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

(Tindakan: Makluman)

8.0 HAL-HAL LAIN

8.1 Tiada

9.0 PENUTUP

- 9.1** Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari dan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi.
-

Disediakan :



(FITRI SYAHIRUNNISAA' BINTI MANSOR)


Pembantu Tadbir (P/O)

Bahagian Pentadbiran Am

Jabatan Khidmat Pengurusan

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Disemak :



(MUHAMMAD ZUL ASYRAF BIN ISMAIL)

Pegawai Tadbir

b.p. Pengarah Khidmat Pengurusan

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Disahkan :



(HAJAH KHASANAH BINTI SUFA'AT @ SUPAAT)

Pengerusi

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan Bilangan 2/2023

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Tarikh : 24 Ogos 2023

FAZ/MNANM/fitri/bpa/mesy.keselamatan.jabatan.bil2.2023